

— Generasi tua masih dibelenggu perasaan perkauman, kata PM

KUALA LUMPUR. Isnin — Perasaan perkauman generasi tua hingga memengaruhi sikap generasi muda belum dapat diatasi kerana golongan berkeinginan bimbang kehilangan identiti kaum mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, oleh itu mereka sering menekankan soal-soal perbezaan kaum, secara langsung atau tidak langsung, di kalangan generasi muda.

"Dari semasa ke semasa mereka menjadikan kaum sebagai isu politik yang tidak dapat tidak mempengaruhi fikiran murid-murid dan anak-anak muda," katanya ketika melancarkan Rancangan Pemasarakatan Perpaduan di Pusat Dagangan Dunla Putra (PWTC) di sini hari ini.

Beliau berkata pihak berkuasa tidak ada niat untuk menghapuskan mana-mana kaum dan semua kaum bebas mengekalkan identiti mereka iaitu bahasa, agama dan kebudayaan.

"Di segi etnik, kita kekal sebagai Cina atau India atau Iban atau Kadazan atau Murut dan lain-lain. Kita menjadi Malaysia hanya sebagai identiti politik yang mempunyai negara yang tertentu.

"Oleh itu, tidak ada sebab mengapa kita harus khuatir mengenai kehilangan identiti etnik kita. Kita tidak pun hilang bahasa atau kebudayaan etnik kita," katanya.

Menurutnya, dengan itu mereka tidak sepatutnya meragui usaha kerajaan un-

tuk mengembangkan bahasa Melayu dan merapatkan hubungan antara kaum.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata kerajaan terpaksa bertindak dengan cepat dan tegas untuk membendung sebarang kemungkinan rusuhan kaum apabila isu yang menyentuh soal perkauman digembar-gemburkan oleh pihak tertentu.

Sambil menyatakan tindakan itu bukan bermakna kerajaan tidak bertolak ansur terhadap pandangan atau pendapat yang berbeza daripada pendirian kerajaan, Perdana Menteri berkata, kritikan terhadap kerajaan adalah satu perkara yang ia sanggup terima.

"Tetapi kritikan yang didasarkan kepada perkauman yang boleh mengancam

harmoni antara kaum adalah perkara lain dan ia tidak sanggup membiarkan kegiatan ini meningkat ke tahap yang berbahaya seperti yang berlaku pada 13 Mei 1969," katanya.

Beliau berkata, usaha menjadikan satu bangsa Malaysia yang padu dan kuat bukanlah satu usaha yang senang dan tugas yang penuh cabaran itu adalah satu perjuangan demi kesejahteraan anak-anak dan negara Dada masa depan.

Menurutnya, kerajaan sentiasa berwaspada dan memikirkan strategi dan perancangan tertentu untuk menghadapi masalah dan isu yang berkaitan dengan perpaduan nasional.

"Ini bukan saja strategi ke arah pencegahan rusuhan kaum, bahkan juga pendekatan baru berbentuk pemuliharaan, supaya negara dapat mencapai tahap kemajuan lebih tinggi, tanpa diganggu oleh masalah perkauman tebal," katanya.

Katanya, satu bangsa Malaysia yang mempunyai bahasa dan kebudayaan sebenar tidak akan wujud sekiranya rakyat hanya menjadi serta menerima sebagai bangsa beridentiti politik.

Beliau berkata, rakyat negara ini mesti mempunyai bahasa dan kebudayaan yang menentukan mereka adalah sebenarnya bangsa Malaysia dan mempunyai kesetiaan kepada negara yang sama, iaitu Malaysia.

"Bagaimanapun, hanya dengan menerima identiti politik kita sahaja, tidak akan wujud satu bangsa Malaysia yang bermakna. Jika kaum-kaum yang berlainan tidak bertegur sapa, tidak ada makna kita mengaku kita adalah daripada satu bangsa," katanya.